

U B796 DEB

MAHATHIR - KEMERDEKAAN <sup>(P)</sup>

KUALA LUMPUR, 29 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MEMBERI AMARAN BAHAWA KEMERDEKAAN YANG DINIKMATI SEKARANG AKAN TERLEPAS JIKA RAKYAT TIDAK LAGI PANDAI MENILAINYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, ANGGAPAN BAHAWA KEMERDEKAAN ADALAH SUATU PERKARA BIASA BOLEH MEMPENGARUHI RAKYAT KERANA TELAH LAMA MENCAPAI KEMERDEKAAN.

KETIKA BERUCAP DI MAJLIS JAMUAN MALAM MERAIKAN KIRA-KIRA 200 ORANG BARISAN PENETANG MALAYAN UNION DI SINI, BELIAU BERKATA, PENILAIAN RAKYAT TERHADAP ERTI DAN NILAI KEMERDEKAAN TIDAK TINGGI SEPERTI NEGARA BARU MENCAPAI KEMERDEKAAN DAHULU.

YANG TURUT HADIR IALAH ISTERI PERDANA MENTERI DATUK PADUKA DATIN SERI DR. SITI HASMAH DAN Pengerusi Jawatankuasa Pusat Hari Kebangsaan Datuk Seri Sanusi Junid.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, SEMANGAT KEBANGSAAN YANG TINGGI PERLU DIPUPUK DI KALANGAN RAKYAT SUPAYA RAKYAT CINTAKAN MARUAH BANGSA KERANA HANYA BANGSA YANG BERMARUAH TIDAK MAHU DIJAJAH. -- LAGI  
2355MST 29 08 85

MAHATHIR - KEMERDEKAAN 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENGINGATKAN RAKYAT BAHAWA PENJAJAH PADA ZAMAN INI TIDAK SEHARUSNYA DALAM BENTUK KETENTERAAN TETAPI DALAM BENTUK PENJAJAHAN FIKIRAN DAN KEBUDAYAAN.

KATANYA, APABILA SESUATU BANGSA TIDAK MEMPUNYAI KEBUDAYAANNYA SENDIRI, BANGSA ITU TIDAK MEMPUNYAI IDENTITI DAN SEMANGAT KEBANGSAAN.

+ADA ORANG MENGANGGAP BAHAWA SEMANGAT KEBANGSAAN ADALAH TIDAK PENTING, TETAPI HARUS DIINGAT BAHAWA IA PENTING UNTUK MENJAGA KEPENTINGAN SERTA MARUAH SESUATU BANGSA, SUPAYA KITA DAPAT DUDUK SAMA RENDAH DAN BERTENDI SAMA TINGGI DENGAN BANGSA-BANGSA LAIN KERANA TIADA BANGSA YANG RELA DIHINA,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA UNTUK MENJADI SEBUAH BANGSA YANG BERMARUAH RAKYAT MALAYSIA PERLU MEMPUNYAI KEMAHIRAN DALAM SEMUA BIDANG SUPAYA TIDAK PERLU BERGANTUNG KEPADA ORANG LAIN.

+OLEH KERANA ITULAH KERETA NASIONAL PROTON SAGA DIUSAHAKAN. IA BUKAN SEMATA-MATA SEBUAH KERETA TETAPI MENJADI LAMBAH MARUAH BANGSA, SEBAGAI BUKTI BAHAWA KITA BOLEH BERBUAT SESUATU WALAUPUN BELUM SERATUS PERATUS,+ TEGASNYA. -- LAGI  
0003MST 30 08 85

MAHATHIR - KEMERDEKAAN 3 KUALA LUMPUR

NEGARA TIDAK SEHARUSNYA BERPUAS HATI DENGAN USAHA ITU TETAPI HENDAKLAH MENCIPTA SEJARAH DALAM BIDANG-BIDANG LAIN DENGAN MENGHIDUPKAN SEMANGAT KEBANGSAAN, UJARNYA.

RAKYAT PERLU MEMPUNYAI CITA-CITA TINGGI DENGAN DISIPLIN YANG TINGGI, SIKAP BERSIH, CEKAP DAN AMANAH SERTA SANGGUP MENGHADAPI SEGALA CABARAN, KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI YAKIN BAHAWA JIKA RAKYAT MEMPUNYAI CIRI-CIRI ITU SERTA SEMANGAT KEBANGSAAN SEPerti PENENTANG-PENENTANG MALAYAN UNION DAHULU, NEGARA AKAN DIHORMATI OLEH DUNIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN PEMUPUKAN SEMANGAT KEBANGSAAN TIDAK BERTUJUAN MEMBELAKANGKAN UGAMA MALAH AL-QURAN SENDIRI MENYEBUT BAHAWA TUHAN MENJADIKAN MANUSIA TERDIRI DARIPADA PELBAGAI KAUM UNTUK MEREKA BERBAIK-BAIK.

-- BERNAMA

0006MST 30 08 85